



**Datuk Profesor Dr. Muhaya Mohamad**

Pakar motivasi dan pakar mata tersohor di Malaysia, juga Pengarah Pusat Mata dan Lasik Prof. Muhaya (PMELC).



# CEMERLANG AKADEMIK CEMERLANG AKHLAK

**K**ECEMERLANGAN anak dalam peperiksaan bukanlah tiket untuk kejayaan masa depan mereka. Kegagalan mereka pula bukanlah noktah untuk meraih kejayaan yang seterusnya! Buat ibu bapa yang mempunyai anak yang mengambil keputusan peperiksaan, jangan menambahkan lagi stres mereka atau jadikan mereka “kuda pacuan” untuk mengibarkan bendera kecemerlangan buat anda (ibu dan ayah). Janganlah mengharap penghargaan orang atas kejayaan anak anda tetapi belajarlah menghargai dan bersyukur dengan apa-apa yang mereka mampu berikan.

Bertanggungjawablah atas apa-apa yang berlaku kepada keluarga anda. Tingkatkan



emosi anak dan keluarga dengan bersyukur dan reda.

Rasa seronok, bahagia, murah hati, baik hati dan tenang akan memberikan getaran emosi yang tinggi.

Rasa bersalah, kecewa, menyesal, marah, dendam dan takut akan memberikan getaran emosi yang rendah, yang melemahkan fizikal dan semangat. Sebagai anak pula, sama ada berjaya atau tidak, anda juga perlu bertanggungjawab ke atas diri anda, bersyukur dan reda.

Apabila tidak berjaya mendapat apa-apa yang diharapkan, nilaikan diri sendiri dengan mencari kesilapan anda dan bukannya menjadi orang yang asyik menyalahkan orang lain dan persekitaran. Perkara yang sudah terjadi usah difikirkan lagi. Bagi mengelakkan anda mengulangi kegagalan hidup, carilah “jalan” lain untuk meneruskan kehidupan dan perancangan masa depan. Maknanya, janganlah menggunakan cara yang sama; ubah cara berfikir dan bertindak, serta ubah strategi atau kaedah. Ingatlah, orang yang membuat sesuatu yang sama tetapi mengharap hasil yang berbeza ialah orang yang menempah kegagalan sejak awal lagi. Sebagai anak, yang penting bukanlah anda hanya cemerlang akademik tetapi turut cemerlang akhlak.

Orang yang hebat ialah orang yang mempunyai tahap IQ (*Intelligence Quotient*) dan EQ (*Emotional Quotient*) yang tinggi. IQ ialah kebolehan atau kecerdasan intelektual seseorang yang memikirkan, menganalisis, menghuraikan, menterjemahkan dan menguasai sesuatu perkara dan fakta. EQ pula ialah kebolehan atau kecerdasan emosi seseorang untuk mengawal, memberikan reaksi dan respons ketika berhadapan dengan sesuatu situasi, yakni yang melibatkan akhlak.

Jika anda berniat hendak melakukan sesuatu dengan baik, yakinlah dengan kuasa niat positif itu.

Lazimnya untuk mendapatkan orang yang memiliki IQ yang tinggi lebih mudah berbanding dengan mendapatkan orang yang mempunyai EQ yang tinggi. Yang sebenarnya, kecerdasan emosi atau EQ lebih penting dalam penilaian menentukan kewibawaan seseorang. Oleh sebab itulah sesebuah organisasi atau syarikat, jika hendak mengambil pekerja baharu pastinya akan mengadakan sesi temu duga.

Mengapakah seseorang itu perlu ditemu duga? Bukankah hanya memadai pihak organisasi atau syarikat menilai kemampuan pemohon berdasarkan IQ, iaitu kelulusan akademik mereka sahaja? Hal ini berlaku kerana IQ atau kecerdasan minda pemohon sudah tertera berdasarkan pencapaian akademik yang tercatat pada sijil, (berdasarkan) bilangan A yang diperoleh dan jenis mata pelajaran yang cemerlang.

Dalam sesi temu duga mengambil pekerja baharu, penilaian EQ sangat perlu diambil kira selain penilaian IQ kerana penilaian EQ dapat menilai sikap individu. Sesebuah organisasi atau syarikat bukan hanya memerlukan pekerja yang cerdas minda (cemerlang akademik) tetapi memerlukan juga seorang pekerja yang cerdas emosi (cemerlang akhlak). Penilaian EQ menilai tahap kecerdasan emosi individu, iaitu

dari segi penguasaan dan kendalian emosi individu. Contohnya dari bahasa badan ketika menjawab soalan temu duga dapat dinilai penampilan anda. Adakah anda seorang yang berkeyakinan dan agresif atau anda seorang yang tidak bersemangat, kelim-kabut, pasif serta tidak dapat mengawal emosi?

Penemu duga boleh menilai tahap EQ orang yang ditemu duga berdasarkan cara anda menerima, menghadapi, mengawal emosi ketika berhadapan dengan soalan yang berbentuk provokasi. Kecerdasan emosi penting untuk anda mendapatkan sesuatu sasaran dan menjadi magnet diri. Magnet dan aura diri bergantung pada emosi anda. Jika emosi negatif, magnet dan aura diri anda negatif. Kesannya, anda akan menarik banyak perkara negatif dalam hidup anda. Emosi datang dari hati dan dengan hatilah anda berniat.

Hasil tindakan dan usaha anda juga bergantung pada niat. Jika anda berniat hendak melakukan sesuatu dengan baik, yakinlah dengan kuasa niat positif itu. Tindakan dan usaha anda juga akan berhasil dengan sangat baik dan luar biasa. Kualiti hidup anda bergantung pada kualiti emosi. Kualiti emosi pula bergantung pada fokus anda. Apabila fokus kepada perkara yang membahagiakan, anda akan sentiasa bahagia. Apabila fokus kepada kesusahan untuk mencapai kejayaan hidup, anda akan sentiasa susah dan gagal dalam kehidupan.

Ingatlah remaja sekalian, apabila bertemu dengan seseorang, anda tidak semestinya tertarik akan kepandaian, kecantikan, kekayaan, pangkat, kedudukan atau kemasyhuran seseorang tetapi pasti tertarik kerana kebajikannya. Oleh sebab itulah, betapa pentingnya anda memiliki kecemerlangan akhlak dan betapa hebatnya anda jika memiliki kedua-duanya sekali – cemerlang akademik dan cemerlang akhlak. @s